



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board*

Kementerian Perladangan dan Komoditi  
(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (5) 04/C/PD/656/4 Jil. 7

29 November 2024

**Pk (EL) MPOB 04/2024**

Semua Pemegang Lesen Kategori:

1. Kilang Buah Kelapa Sawit (MF); dan
2. Kilang Penapis (RF)

Tuan/Puan,

## **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF) DAN KILANG PENAPIS (RF): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-134 yang telah diadakan pada 17 Oktober 2024 telah meluluskan dan bersetuju menguatkuasakan tambahan Syarat Lesen berkaitan keselamatan makanan dan minyak sawit yang berkualiti yang akan dikenakan ke atas kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Penapis (RF).
3. Sehubungan dengan itu, Lembaga akan menguatkuasakan kriteria dan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2024 [Pk (EL) MPOB 04/2024] mulai 1 Januari 2025**. Walau bagaimanapun, pihak industri yang berkaitan diberi tempoh enam (6) bulan bertenang bagi tujuan familiarisasi dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2025.
4. Dalam hal ini, pihak tuan/puan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi mengelak tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah



SIRIM

CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QAS 02602



18 - 20 November 2025  
Kuala Lumpur Convention Centre

s.k

- i) Pengerusi MPOB
- ii) Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPK
- iii) Setiausaha Malaysian Oil Palm Association (MPOA)
- iv) Setiausaha Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)
- v) Setiausaha Palm Oil Millers Association (POMA)
- vi) Setiausaha The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)
- vii) Setiausaha The East Malaysia Planters' Association (EMPA)
- viii) Setiausaha National Association of Smallholders Malaysia (NASH)
- ix) Setiausaha Malaysian Estate Owners' Association (MEOA)
- x) Setiausaha Sarawak Oil Palm Plantation Owners Association (SOPPOA)
- xi) Setiausaha Incorporated Society of Planters (ISP)
- xii) Setiausaha Malaysian Oil Palm Dealers Association (MOPDA)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB 04/2024

Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2025

Perkara : **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF) DAN KILANG PENAPIS (RF): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI.**

## **1.0 TUJUAN**

1.1 Untuk memaklumkan penguatkuasaan tambahan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Penapis (RF).

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa komited dalam menangani isu keselamatan makanan dalam minyak sawit bertapis iaitu isu bahan kontaminasi 3-monochloropropanediol ester (3-MCPDE) dan glycidyl ester (GE). Kontaminasi 3-MCPDE dan GE dalam minyak sawit bertapis adalah lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain dan kajian menunjukkan bahan-bahan kontaminasi 3-MCPDE adalah karsinogen yang boleh memberi impak buruk ke atas kesihatan pengguna.
- 2.2 Bagi menangani isu ini dan setelah melakukan kajian serta sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dan wakil industri kelapa sawit, Mesyuarat Lembaga kali ke-106 yang diadakan pada 24 Julai 2019 telah meluluskan tambahan syarat lesen berkaitan 3-MCPDE dan GE yang dikenakan ke atas kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF), Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM). Pemakluman ini telah dikeluarkan melalui Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2019 [Pk (EL) MPOB 01/2019] bertarikh 30 Oktober 2019.
- 2.3 Penguatkuasaan syarat lesen ini telah ditangguhkan sebanyak dua (2) kali dengan kelulusan Mesyuarat Lembaga ke-108 bertarikh 23 April 2020 dan Mesyuarat Lembaga ke-110 bertarikh 26 Ogos 2020. Penangguhan ini adalah hasil rundingan dengan pihak berkepentingan dalam industri kelapa sawit yang terkesan dengan penguatkuasaan syarat lesen ini.

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.4 Setelah beberapa rundingan diadakan bersama wakil industri kelapa sawit, Mesyuarat Lembaga ke-125 bertarikh 8 Disember 2022 telah meluluskan tarikh baharu penguatkuasaan tambahan syarat lesen berkaitan pematuhan tahap maksimum 3-MCPDE dan GE yang dikenakan ke atas RF, PX dan PM pada 1 Januari 2026 kecuali syarat lesen ke atas MF berkaitan larangan mencampur minyak sawit keladak (SPO) dan minyak dari fiber mesokarpa ke dalam minyak sawit mentah (CPO). Pihak industri telah dimaklumkan berkenaan tarikh baharu ini melalui Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2022 [Pk (EL) MPOB 03/2022] bertarikh 21 Disember 2022.
- 2.5 Kesenambungan daripada itu, satu (1) sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dan wakil industri kelapa sawit telah diadakan pada 23 September 2024. Hasil daripada sesi libat urus tersebut, syarat lesen berkaitan 3-MCPDE dan GE bagi minyak sawit yang diproseskan (PPO) dan minyak isirung sawit yang diproseskan (PPKO) bagi tujuan eksport dan import dibatalkan kecuali pematuhan berkaitan 3-MCPDE dan GE hanya bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan.
- 2.6 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga ke-134 yang telah diadakan pada 17 Oktober 2024 memutuskan untuk menambah syarat lesen yang dikenakan ke atas Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Penapis (RF).

### **3.0 PENGUATKUASAAN KRITERIA DAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Penapis (RF) seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.
- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 (Peraturan Pelesenan) memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar apa-apa syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 4/2024 [Pk (EL) MPOB 04/2024] adalah terpakai kepada kepada semua pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Penapis (RF).

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

4.2 Sehubungan dengan ini, Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2022 [Pk (EL) MPOB 03/2022] bertarikh 21 Disember 2022 adalah terbatal.

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2025**.

**6.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN**

**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh: 29 November 2024

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800. Faks: 03-78034014, 603-78061485. [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

## LAMPIRAN 1

### **TAMBAHAN SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG PENAPIS (RF): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI**

#### **TAMBAHAN SYARAT LESEN:**

<b>KATEGORI KILANG PENAPIS (RF)</b>
-------------------------------------

- (i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan, mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm.
- (ii) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak tempatan bagi jualan atau belian antara pembeli dan penjual untuk minyak sawit yang diproseskan bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm, dan keperluan lain oleh pembeli.
- (iii) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak isirung sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan, mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm.
- (iv) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak tempatan jualan atau belian antara pembeli dan penjual untuk minyak isirung sawit yang diproseskan bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 1.25 ppm dan GE pada 1 ppm, dan keperluan lain oleh pembeli.

## LAMPIRAN 2

### **SYARAT LESEN BAGI KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT(MF): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI**

#### **SYARAT LESEN:**

<b>KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)</b>
---

- (i) Pemegang lesen tidak dibenarkan menambah semula minyak sawit keladak ke dalam minyak sawit mentah.
- (ii) Pemegang lesen tidak dibenarkan mencampur yang termasuklah mencampur bersama, atau ditambah semula minyak dari fiber mesokarpa ke dalam minyak sawit mentah. Bagi maksud syarat ini, "minyak dari fiber mesokarpa" ertinya minyak yang dihasilkan daripada fiber mesokarpa yang telah ditekan dan diekstrak menggunakan pelarut.

### Soalan-soalan lazim

1. Soalan : Mengapakah syarat lesen berkaitan 3-MCPDE dan GE perlu dikuatkuasakan?  
Jawapan : Penguatkuasaan Syarat Lesen bagi bahan cemar 3-MCPDE dan GE bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia mendapat bekalan minyak masak serta produk makanan berasaskan sawit yang mematuhi standard keselamatan dan kualiti makanan. Pengawalan had maksima 3-MCPDE dan GE dalam minyak masak serta produk makanan berasaskan sawit merupakan langkah awal bagi mengurangkan risiko terhadap kesihatan pengguna. Inisiatif yang diambil ini merupakan tanggungjawab dan komitmen negara terhadap rakyat Malaysia selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).
2. Soalan : Apakah kategori lesen yang perlu mematuhi Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 4/2024 [Pk (EL) MPOB04/2024]  
Jawapan : Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 4/2024 [Pk (EL) MPOB 04/2024] adalah terpakai kepada kepada semua pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Kilang Penapis (RF).
3. Soalan : Bilakah tarikh pelaksanaan dan penguatkuasaan Pekeliling Penguatkuasaan ini?  
Jawapan : Pekeliling penguatkuasaan ini akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2025 dan penguatkuasaannya pada 1 Julai 2025. Pemegang lesen diberi masa selama 6 bulan tempoh bertenang sebelum tarikh kuatkuasa.
4. Soalan : Apakah produk-produk yang perlu mematuhi syarat berkaitan 3-MCPDE dan GE?  
Jawapan : Produk-produk yang perlu mematuhi tahap maksimum 3-MCPDE dan GE adalah produk-produk yang dihasilkan oleh proses penapisan minyak sawit yang dijalankan di kilang-kilang penapis (RF). Produk-produk yang terlibat adalah:

Produk	Tahap maksima 3-MCPDE	Tahap maksima GE
minyak sawit yang diproseskan (PPO)	2.5 ppm	1.0 ppm
minyak isirung sawit yang diproseskan (PPKO)	1.25 ppm	1.0 ppm

Senarai produk adalah seperti di [Lampiran A](#)

5. Soalan : Adakah produk-produk akhir seperti shortening, margerin dan cocoa butter substitute perlu mematuhi tahap maksima 3-MCPDE dan GE?  
Jawapan : Produk-produk akhir berkenaan pasti akan mematuhi tahap maksima 3-MCPDE dan GE kerana sumber minyak sawit yang digunakan telah mematuhi keperluan tersebut.
6. Soalan : Adakah parameter 3-MCPDE dan GE perlu dinyatakan di dalam kontrak jualan?  
Jawapan : Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak tempatan jualan atau belian antara pembeli dan penjual untuk minyak sawit/minyak isirung sawit yang diproseskan bagi tujuan makanan untuk kegunaan tempatan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm, dan keperluan lain oleh pembeli.



Lampiran A

Produk minyak sawit yang diproseskan (PPO)	minyak isirung sawit yang diproseskan (PPKO)
Neutralised Palm Oil	Palm Kernel Oil
Neutralised & Bleached Palm Oil	Refined, Bleached & Deodorised (RBD) Palm Kernel Oil
Refined, Bleached & Deodorised (RBD)/ Neutralised, Bleached & Deodorised (NBD) Palm Oil	Refined, Bleached & Deodorised (RBD) Palm Kernel Olein
Neutralised Palm Olein	Refined, Bleached & Deodorised (RBD) Palm Kernel Stearin
Neutralised & Bleached Palm Olein	
Refined, Bleached & Deodorised (RBD)/ Neutralised, Bleached & Deodorised (NBD) Palm Olein	
Neutralised Palm Stearin	
Neutralised & Bleached Palm Stearin	
Refined, Bleached & Deodorised (RBD)/ Neutralised, Bleached & Deodorised (NBD) Palm Stearin	